

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

**YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa**

September 1997

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Pilih LIMA (5) konsep dan tulis nota ringkas mengenainya:

- a. paradigma dominan
- b. paradigma alternatif
- c. semiologi
- d. ideologi
- e. wacana sexist (*sexist discourse*)
- f. hegemoni
- g. mitos

(100 markah)

2. Analisis bahan-bahan media tidak akan tepat jika ia tidak dikaitkan dengan pemahaman tentang struktur hierarki dan perhubungan kuasa dalam organisasi media. Bincangkan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

...2/-

3. Media massa dipercayai boleh membentuk sikap individu atau mengubah masyarakat secara keseluruhannya. Berdasarkan teori dan contoh-contoh kajian, bincangkan kenyataan ini.

(100 markah)

4. Bincangkan sejauh mana pemaparan lelaki dan wanita di media massa mencerminkan realiti?

(100 markah)

5. Perkembangan pesat teknologi komunikasi mengakibatkan dunia yang lebih seimbang. Bincangkan dengan memberi contoh-contoh.

(100 markah)

-ooOoo-